

15/03/2000

Dakwaan Muhyiddin dibincang jika ada aduan

KUALA LUMPUR, Selasa - Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno akan membincangkan dakwaan Ketua Bahagian Umno Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin yang beberapa bahagian Umno Johor diberi arahan menamakan hanya seorang pemimpin negeri itu sebagai calon Naib Presiden, sekiranya terdapat aduan rasmi.

Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata bagaimanapun sehingga kini, jawatankuasa berkenaan masih belum menerima aduan rasmi berhubung dakwaan itu. Beliau berkata, sekiranya ada aduan rasmi, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa itu esok.

Kelmarin, Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, mendakwa 16 bahagian Umno Johor diminta menamakan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman sebagai calon tunggal Johor, manakala dua calon lagi dipilih dari negeri lain.

Semalam, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Muhyiddin membuktikan dakwaannya kepada Majlis Tertinggi (MT) bahawa terdapat pihak yang mengarahkan bahagian-bahagian tertentu di Johor tidak mencalonkan beliau bertanding jawatan naib presiden.

Perdana Menteri berkata, bukti itu perlu diketengahkan bagi membolehkan MT meneliti dakwaan itu.

Sementara itu, Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu berkata, Umno Terengganu akan menghantar wakil untuk membantu kempen pilihan raya kecil Sanggang.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan Umno Terengganu malam ini.

Antara lain mesyuarat itu membincangkan beberapa perkara termasuk kegiatan Umno di peringkat negeri.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh berkata, seramai 60 penceramah akan dihantar membantu kempen dari hari penamaan calon sehingga hari pembuangan undi.

"Kita akan gerakkan Pemuda, Wanita dan bahagian untuk turut membantu memastikan calon Barisan Nasional (BN) dapat mempertahankan kerusi itu," katanya.

Penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu adalah pada 21 Mac sementara hari pengundian ditetapkan 1 April.

Ahad lalu, BN mengumumkan Pengerusi Biro Agama Umno bahagian Mentakab, Redzwan Harun, 49 sebagai calonnya bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang.

(END)